

02 MAY 2002

Mahathir-NiCE 2 (bergambar)

DR MAHATHIR NAIKI PROTOTAIP BAS NiCE 2 UNTK RASMI MESYUARAT

JITRA, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tiba di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior di sini dengan menaiki prototaip bas "semi double deck" atau satu setengah tingkat yang dikenali sebagai NiCE 2.

Beliau yang dalam rangka lawatan sehari ke negeri ini dijadual merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di sekolah berkenaan.

Dr Mahathir menaiki bas itu dari Lapangan Terbang Kepala Batas ke sekolah berkenaan sejauh 12 km.

Bas yang mempunyai ketinggian 3.9 meter itu dimajukan oleh Plusliner Sdn Bhd, anak syarikat Park May Berhad.

Pengurus Besar Plusliner Sdn Bhd Chan Keong Meng berkata bas berkenaan adalah yang pertama dihasilkan di negara ini berharga RM540,000 sebuah berbanding RM1 juta sekiranya diimport dari luar negara.

"NiCE 2 akan dilancarkan pada Julai ini sebanyak lima buah. Kita akan tingkatkan kepada 10 buah bas menjelang Oktober," katanya ketika ditemui pemberita.

Turut menaiki NiCE 2 bersama Dr Mahathir ialah Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan wakil peribadi Perdana Menteri di kawasan Parlimen Kubang Pasu Tan Sri Osman Aroff.

Chan berkata NiCE 2 akan memberikan perkhidmatan untuk laluan Kuala Lumpur-Singapura sahaja dan mensasarkan pengguna kepada yang inginkan lebih keselesaan untuk perkhidmatan koc eksekutif.

NiCE 2 mempunyai 30 kerusi di tingkat atas manakala enam kerusi yang berkonsepkan lounge atau ruang istirahat di tingkat bawah.

Chan berkata NiCE 2 dijamin selamat dan stabil sekalipun dipandu pada kelajuan tinggi di lebuhraya.

Park May Berhad ditubuhkan pada 1995 dan menyediakan perkhidmatan bas ekspres di lebuhraya utara selatan yang dikendalikan oleh Plusliner Sdn Bhd.

Selain itu Park May Berhad juga menawarkan perkhidmatan bas awam di Lembah Klang, Pulau Pinang, utara Perak, Seremban dan Kuantan.

Setakat ini Plusliner Sdn Bhd mempunyai 81 unit Plusliner Express Coach dan 30 unit NiCe Eksekutif Coach.

-- BERNAMA

MAN RON